

20/12/1998

Malaysia mampu capai wawasan

Zainudin Isa

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya Malaysia masih mampu mencapai status negara maju seperti terkandung dalam Wawasan 2020 walaupun ia memerlukan jentera pertumbuhan baru berikutan kegawatan ekonomi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sedang giat dilaksanakan sekarang, akan menjadi pemangkin pertumbuhan baru itu.

Menurutnya, walaupun kegawatan ekonomi kebelakangan ini memperlahankan hasrat mencapai status negara maju, inisiatif dan komitmen kerajaan ke arah itu tetap kekal.

"Malah, berdasarkan unjuran bahawa sumbangan sektor pembuatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan mencecah sekitar 38 peratus menjelang tahun 2005, Malaysia memerlukan satu penggerak baru kepada pertumbuhan ekonomi," katanya di penyempurnaan pembinaan pusat MSC Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT), di sini semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia sudahpun mencatat pertumbuhan tinggi antara lapan hingga sembilan peratus untuk selama lapan tahun lalu.

"Apa yang kita perlukan untuk mencapai Wawasan 2020 ialah mencatat pertumbuhan purata tujuh peratus untuk sepanjang tempoh 30 tahun ini. Tetapi sebenarnya kita sudah jauh ke hadapan dari segi pertumbuhan," katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri melahirkan keyakinannya bahawa industri teknologi maklumat (IT) mampu menjadi penggerak pertumbuhan terbaik dengan memberi sumbangan dari segi nilai tambah bagi sektor itu dan bidang ekonomi lain.

"Selaras wawasan Malaysia menjadikan MSC sebagai penggerak baru pertumbuhan, inisiatif untuk menggerakkan kemajuan MSC itu akan terus diberi keutamaan.

"Dengan mengambil faktor iklim semasa, sumber yang perlu akan ditambah untuk melaksanakan program MSC dan membangunkan Cyberjaya sebagai pusat multimedia," katanya.

Dr Mahathir turut menggariskan objektif utama yang perlu diberi tumpuan untuk memastikan negara menikmati pertumbuhan mapan, khususnya dalam industri IT pada masa depan.

"Salah satu objektif itu ialah dengan membangunkan lagi industri kecil dan sederhana (IKS) untuk menyertai sektor IT sehingga berkembang menjadi syarikat bertaraf dunia.

"Pada waktu ini jumlah penyertaan IKS dalam industri IT masih kurang memberangsangkan, berbanding begitu besar dan banyaknya IKS dalam industri IT ini di Taiwan, negara yang perbandingannya lebih kecil dari segi saiz negara dan penduduknya.

"Begitu juga Ireland yang juga lebih kecil daripada Malaysia mempunyai penyertaan IKS yang besar dalam sektor IT," katanya.

Dr Mahathir berkata, beberapa usaha dilaksanakan untuk menggerakkan sektor IKS dalam bidang IT, termasuk memperkenalkan rangkaian inkubator kebangsaan di universiti seluruh negara.

Selain itu, kerajaan juga membangunkan satu sistem untuk memberi kemudahan modal secara perkongsian serta khidmat pengurusan untuk syarikat yang menyertai MSC.

"Universiti Multimedia pula akan menyalurkan sumber tenaga kerja yang berkemahiran dan mempunyai minat keusahawanan tinggi," katanya sambil

menambah Malaysia perlu banyak belajar untuk memantapkan industri IT.
(END)